

Rumah fasa 2 ada keistimewaan

SH 30/6/08 M/S 25

Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2010 ini turut menawarkan lot banglo untuk dimiliki dengan penawaran harga yang menarik.

■ SITI AZIELAH WAHI

BANDAR BARU SALAK TINGGI-

Getrahome Sdn Bhd mengadakan Pelancaran Rumah Fasa 2 dan ulang tahun Real Reward ke tujuh di Taman Ixora, di sini, kelmarin

Pengurus Getrahome Sdn Bhd, Muhd Nuruddin Amiron, berkata mereka menawarkan 44 unit rumah teres dua tingkat berkeluasan 644 meter persegi dengan harga dari RM199,800 dengan memberikan tawaran istimewa seperti kabinet dapur serta siling berplaster.

“Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2010 ini turut me-

nawarkan lot banglo untuk dimiliki dengan menawarkan harga yang menarik,” katanya.

Selain itu katanya, sempena ulang tahun ketujuh Real Rewards, orang ramai yang membeli rumah pada pameran tersebut menerima 7,777 lebih mata ganjaran secara percuma.

“Real Rewards dijangka akan mengadakan ‘Road Tour’ ke seluruh negara bersempena ulang tahun ke tujuhnya.

“Mereka yang berminat boleh berhubung dengan pejabat jualan dengan menghubungi 0387064231. Bagi Fasa 1 dan 3 Projek perumahan ini sudah habis dijual dan diserahkan kepada pembelinya,” katanya.

Pada pameran tersebut turut diadakan pelbagai acara untuk pengunjung seperti pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan persembahan pentas.



Contoh unit rumah teres dua tingkat yang dipamerkan sempena Pelancaran Rumah Fasa 2, kelmarin.